

18/04/2004

Thaksin mahu sangkal atau benarkan Huntingdon?

Karim Raslan

KEJADIAN pengeboman di bandar Sungai Golok pada 27 Mac lalu yang mencederakan ramai orang - enam antaranya parah - menyerlahkan peningkatan tahap keganasan yang menulari kehidupan warga wilayah selatan Thailand yang kebanyakan beragama Islam.

Namun begitu itu tidak bermakna bahawa tesis Huntingdon tentang konflik ketamadunan dan ledakan keganasan merupakan sesuatu yang tidak dapat dihindari atau boleh diguna pakai terhadap Kerajaan beragama Buddha itu. Hubungan antara kaum dan agama terus positif di negara itu biarpun sesudah kejadian 11 September (911), pencerobohan pimpinan Amerika di Iraq dan keputusan kerajaan Thai untuk turut menghantar tenteranya ke Iraq.

Tidak seperti keadaan di selatan Filipina (di mana majoriti Roman Katolik ditentang puak minoriti Islam), ketiga-tiga wilayah yang majoriti warganya penganut Islam yakni di Yala, Naratiwat dan Pattani berjaya mencapai dan mengekalkan kestabilan pada tahun-tahun pra-kepimpinan Thaksin sebagai Perdana Menteri.

Nyata betapa dalam konflik yang berlaku itu tangan figuratif yang mencancang dan bahu yang memikul adalah kepunyaan Perdana Menteri, Thaksin Shinawatra. Gabungan salah agak yang terterap dalam dasar-dasarnya, keangkuhannya dan tindakannya secara ceroboh jauh ke pedalaman wilayah selatan negaranya mengusutkan lagi pertelingkahan tersebut. Dialah yang mencetuskan permasalahan itu.

Kegagalannya mengawal keganasan di bahagian selatan Thailand dan peri salah urusnya ketika krisis wabak selesema burung pada tahun lalu - ini dimaklumi seluruh dunia - membantut dan mungkin memusnahkan terus cita-cita besarnya untuk menjadi pemimpin de facto Asean setelah persaraan mantan orang kuat Malaysia, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Kedangkalannya terbukti dengan caranya menyalahkan warga Malaysia bagi keganasan di atas. Jelas betapa gaya kepimpinannya dicorakkan sikap tidak tahu berdiplomasi, dan tergesa-gesa, terutamanya apabila beliau terpaksa dengan cepat juga menarik balik tuduhan melulunya itu.

Thaksin harus sedar bahawa sikap memerintah dan memecah-belah yang ditonjolkannya itu menjengkelkan dan menimbulkan kebencian golongan warganya yang beragama Islam. Pendekatan urus tadbirnya yang hanya tahu 'hitam-putih' sahaja dan menolak usaha mencapai ijmak yakni konsensus kini membahayakan keselamatan negaranya. Dia sendirilah pencetus bahaya itu.

Abhisit Vejjajiva, seorang tokoh pembangkang yang tersohor menghuraikan: "Sebelum Thaksin berkuasa, jurus Wilayah Selatan memang jelas lagi positif. Penambahbaikan keadaan di situ berterusan di bawah pentadbiran puak Demokrat pimpinan Chuan Leekpai dahulu. Ternyata pendekatan 'urus niaga agresif' yang dibawa Thaksin sarat dengan silap langkah, terlalu janggal malah amat tidak memadai dengan tugas rumit mentadbir negara."

Pujian harus diberikan kepada baginda Raja Bhumibol kerana atas keampuhan dan kekuatan kepimpinannya lah keamanan wujud di bahagian selatan sebelum ini bila mana terdapat sistem perkongsian kuasa dan maklumat antara pentadbiran dan pasukan keselamatan.

Memang sistem itu pun ada cacat-celanya - Jawatankuasa Penyelarasan Kegiatan di Wilayah Selatan dan sayap ketenteraannya, Pasukan Bersatu ke-43nya memberikan kuasa yang berlebihan kepada pihak tentera - namun masih terwujud persekitaran yang aman dan mudah dikelolakan. Tambahan pula pihak berwajib memperakui betapa etos dan amalan budaya dan agama rantau itu berbeza dan para pentadbir sanggup cuba bertolak ansur dengan hasrat dan

kemahuan para pemimpin tempatan.

Sebaliknya Thaksin Shinawatra bukan sahaja mengabaikan malah memansuhkan sistem yang telah terbina dengan payah itu lantas mengenakan pemerintahan tentera. Dengan sewenang-wenang Perdana Menteri memansuhkan kesemua jawatankuasa penyelarasan maka timbullah kekosongan kuasa yang tidak dapat diselesaikan sepenuhnya hingga kini.

Somphon Wongchanglaw, seorang penganalisis politik dalam sebuah kumpulan pemikir yang berpangkalan di Bangkok mengkritik `kewarasan' menguatkuasakan pemerintahan tentera: "Tempoh berkurung antara waktu maghrib dengan syuruk amat menyukarkan masyarakat tempatan yang kebanyakannya mencari rezeki dengan memotong getah. Maka mereka semakin anti-kerajaan dan bersimpati terhadap kalangan pemberontak."

Cubaan Perdana Menteri untuk mengalih kuasa dan kewenangan daripada pihak tentera kepada polis juga berkesudahan sebaliknya sebab puak polis kekurangan pengetahuan, pengalaman dan kuasa tembak untuk menangani pelbagai cabaran dan ancaman yang melatari kawasan pedalaman dan berhutan tebal itu.

Sebagaimana yang diulas oleh Pairat Pongpanich, anak kelahiran bandar raya Songkhla di selatan yang menjadi editor hal ehwal luar negara akhbar harian terkenal Thai, Matichon: "Rantau selatan Thailand memang terlalu rumit. Pelbagai faktor bergabung di sini, ada `hulubalang tempatan' sindiket penjenayah serta kalangan ahli politik peringkat kebangsaan. Mustahil struktur yang sudah bertunjang beratus-ratus tahun ini mampu diranapkan dan dikeluarkan dalam tempoh semalam. Pembaharuan perlu diatur dan direncanakan dengan amat teliti."

Tindakan memusatkan kuasa yang dijalankan oleh Thaksin merosotkan keadaan. Kini terpupuk budaya mengampu pada peringkat tertinggi yakni peringkat penggubalan dasar. Tentunya perang anti-dadah berprofil tinggi yang diilhamkan Perdana Menteri pada tahun lalu (yang mengorbankan kira-kira 2,500 nyawa insan dalam pembunuhan di luar bidang kehakiman) menyerlahkan betapa kini terdapat sikap tidak mengendahkan keunggulan proses perundangan dan perlembagaan negara berkenaan.

Somphon Wongchanglaw menghujah: "Thaksin cuba menggembelng strategi yang sama dalam daya usahanya memerangi dadah di bahagian selatan. Ternyata usahanya gagal malah makin menjarakkan jurang antara golongan Islam dengan pemerintah.

"Gaya KPE (Ketua Pegawai Eksekutif) bawaan Thaksin membuahkan persekitaran di mana keputusan serta-merta dikehendaki yakni matlamat menghalalkan cara, tanpa mengira kos dari aspek undang-undang mahupun politik. Paling klasik dan ketara ialah tuduhan bahawa penculikan serta pembunuhan peguam Islam, Somchai Neelaphaijit, dilakukan oleh pasukan tentera."

Bertambah aib Perdana Menteri Thaksin apabila parti politiknya sendiri iaitu Thai Rak Thai yang dikatakan menjadi perancang utama bagi serbuan dan serangan terhadap pangkalan tentera Narathiwat Rajanakarin di selatan pada 4 Januari lalu.

Seandainya terbukti keserakahan serta kegiatan jenayah tersebut ramai yang akan mempersendakan pendirian tegas Perdana Menteri terhadap undang-undang dan ketenteraman yang cuba dicanangkan. Kewibawaan parti Thai Rak Thai yang semakin merosot sebagai pembawa perubahan dan pembaharuan akan lebih tercela dan merudum.

Keadaan di pedalaman selatan Thailand akan hanya dapat diatasi setelah Thaksin mampu menangani kelemahan kepimpinannya sendiri. Gaya autokratiknya, ketidaktekanan dasar-dasarnya serta rentetan keputusan tergesa-gesa yang dibuatnya cukup mengelirukan serta mengharu-birukan para pentadbir, pasukan keselamatan dan para pemimpin tempatan.

Thaksin hanya akan berjaya mengamankan rantau selatannya jika beliau

mengambil iktibar daripada masa lampau: yang pertama dan paling utama ialah hakikat bahawa keganasan akan hanya membuahkan keganasan. Dia harus berusaha dengan gigih untuk menghulurkan tangan dan mendekati warga Islamnya - kedua-dua kepimpinan agama dan sekular - demi memenangi hati dan minda mereka.

Dia mesti menghormati niat dan kemahuan masyarakat Islam. Perlu dia mengiktiraf dan memperakui keinginan mereka untuk mengekalkan sekolah dan bahasa mereka sendiri. Ya, masih belum terlewat untuk menyangkal Huntingdon.